



## **DOKUMEN TENDER**

# **TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF UNIVERSITI SELANGOR**

**NO. TENDER:  
UNISEL/HR/TENDER/1/2024**

**Universiti Selangor (UNISEL), Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>MAKLUMAT UMUM.....</b>	<b>3</b>
<b>1.0 PENGENALAN.....</b>	<b>3</b>
<b>2.0 PENYERTAAN TENDER.....</b>	<b>3</b>
<b>3.0 DOKUMEN YANG WAJIB DIISI DAN DIKEMUKAKAN.....</b>	<b>4</b>
<b>4.0 PENYERAHAN TENDER.....</b>	<b>5</b>
<b>5.0 TARIKH TUTUP.....</b>	<b>5</b>
<b>6.0 MAKLUMAT HARGA.....</b>	<b>6</b>
<b>7.0 TEMPOH SAH LAKU.....</b>	<b>6</b>
<b>8.0 PELAKSANAAN PERKHIDMATAN.....</b>	<b>6</b>
<b>9.0 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA.....</b>	<b>7</b>
<b>10.0 PENERIMAAN TAWARAN DAN KONTRAK PERJANJIAN.....</b>	<b>7</b>
<b>11.0 PENERIMAAN TENDER.....</b>	<b>7</b>
<b>12.0 PENAMATAN PERSETUJUAN.....</b>	<b>8</b>
<b>13.0 HARGA TAWARAN .....</b>	<b>8</b>
<b>14.0 KAEDAH PEMBAYARAN.....</b>	<b>8</b>
<b>15.0 KAEDAH PELAKSANAAN.....</b>	<b>9</b>
<b>16.0 PERTANYAAN.....</b>	<b>9</b>
<b>LAMPIRAN A.....</b>	<b>10</b>
<b>LAMPIRAN B.....</b>	<b>11</b>
<b>LAMPIRAN C.....</b>	<b>13</b>
<b>LAMPIRAN D.....</b>	<b>14</b>
<b>LAMPIRAN E.....</b>	<b>18</b>
<b>LAMPIRAN F.....</b>	<b>20</b>
<b>LAMPIRAN G.....</b>	<b>21</b>
<b>LAMPIRAN H.....</b>	<b>24</b>
<b>LAMPIRAN I.....</b>	<b>25</b>
<b>LAMPIRAN J.....</b>	<b>26</b>

## MAKLUMAT UMUM

### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Universiti Selangor (UNISEL) ingin mempelawa syarikat yang berkelayakan untuk menyertai **TENDER BAGI PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF UNIVERSITI SELANGOR**
- 1.2 Syarikat yang ingin menyertai tender ini dikehendaki membaca dan memahami dengan teliti mengenai perkhidmatan dan pembekalan yang akan ditawarkan seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini
- 1.3 Syarikat juga hendaklah mendapatkan semua maklumat yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan dan penyempurnaan pembekalan tersebut. Syarikat tidak berhak membuat apa-apa kenyataan bahawa tidak mendapat maklumat yang mencukupi daripada mana-mana pegawai Universiti Selangor.

### 2.0 PENYERTAAN TENDER

- 2.1 Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan tarikh pendaftaran mestilah sah sekurang-kurangnya sehingga Disember 2024.
- 2.2 Semua Petender dimestikan berdaftar dengan Universiti Selangor dengan melayari laman web <https://www.unisel.edu.my/tender/>
- 2.3 Tawaran tender hendaklah dibuat berdasarkan kepada spesifikasi teknikal **(Lampiran D)**.
- 2.4 Syarikat hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di bawah ini membolehkan syarikat disenaraihitamkan.
- 2.5 Kos penyertaan tender dan penyediaan dokumen tender adalah **ditanggung** sendiri oleh syarikat. UNISEL tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.

### 3.0 DOKUMEN YANG WAJIB DIISI DAN DIKEMUKAKAN

3.1 Petender hendaklah mengemukakan **DOKUMEN TAWARAN** seperti berikut: -

- i. Dokumen tender hendaklah **diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas**. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat mestilah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat Petender setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

3.2 **Dokumen yang wajib dikemukakan:**

- i. \*Satu salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Sijil Pemerbadanan (Akta Syarikat 2016);
- ii. \*Satu salinan Lesen Bank Negara;
- iii. Maklumat / Profil Syarikat berserta carta organisasi pasukan projek yang menyertai projek;
- iv. CV ahli yang terlibat yang berpengalaman dalam bidang berkaitan; (sekiranya agen)
- v. Jadual Tawaran tender (**LAMPIRAN C**);
- vi. Spesifikasi Skim Perlindungan Insurans Berkelompok (**LAMPIRAN D**);
- vii. Rekod Pengalaman Perkhidmatan Skim Perlindungan Insurans (**LAMPIRAN H**);
- viii. Senarai Kontrak Semasa (**LAMPIRAN I**);
- ix. Lain-lain Dokumen (Risalah/Brosur/Katalog/Gambarajah)

3.3 **Dokumen yang wajib diisi**

- i. Keterangan Mengenai tender (**LAMPIRAN A**);
- ii. Surat Penyertaan tender (**LAMPIRAN B**);
- iii. Jadual Tawaran tender (**LAMPIRAN C**);
- iv. Spesifikasi Skim Perlindungan Insurans Berkelompok (**LAMPIRAN D**);
- v. Profil Syarikat (**LAMPIRAN E**);
- vi. Surat Akuan Petender – Perlu disertakan Bersama Surat Perwakilan Kuasa (**LAMPIRAN F**);
- vii. Borang tender (**LAMPIRAN G**);
- viii. Rekod Pengalaman (**LAMPIRAN H**); dan
- ix. Senarai Kontrak Semasa (**LAMPIRAN I**);

#### 4.0 PENYERAHAN TENDER

- 4.1 Dokumen tawaran tender yang dihantar hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan dilabel seperti berikut:

<p><b>SULIT</b></p> <p><b>TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF UNIVERSITI SELANGOR</b></p> <p><b>NO. TENDER: UNISEL/HR/TENDER/1/2024</b></p> <p><b>UNIVERSITI SELANGOR</b></p>
---

Hendaklah dihantar kepada alamat di bawah sebelum atau pada hari **JUMAAT 26 JANUARI 2024 JAM 12.00 TENGAH HARI** kepada:

**UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI**  
UNIVERSITI SELANGOR, KAMPUS SHAH ALAM  
JALAN ZIRKON A7/A, SEKSYEN 7,  
40 000, SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN.

- 4.2 Petender dinasihatkan menghantar cadangan tender secara manual dengan tangan ke Peti tender yang disediakan pada atau sebelum masa yang ditetapkan. UNISEL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier walau apa pun alasan yang diberikan, sebarang tender yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 4.3 Petender tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan tender ini dalam tender yang ditawarkan.

#### 5.0 TARIKH TUTUP

Cadangan tender hendaklah diserahkan ke Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Selangor, Kampus Shah Alam, Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tender ini akan ditutup pada **26 JANUARI 2024, JAM 12.00 TENGAH HARI**.

## 6.0 MAKLUMAT HARGA

- 6.1 Semua cadangan harga yang dikemukakan hendaklah di dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)** dan tidak melebihi dua angka perpuluhan. Penilaian harga antara Petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit setiap item akan diambil kira.
- 6.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tender ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku tender iaitu **90 HARI**. Harga yang ditawarkan oleh Petender yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh kontrak dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.
- 6.3 Harga yang dinyatakan untuk semua bekalan / barangan adalah **TERMASUK** harga pembungkusan dan harga penghantaran ke lokasi sahaja.

## 7.0 TEMPOH SAH LAKU

Tawaran tender hendaklah sah bagi tempoh **90 HARI** dari tarikh tutup tender.

## 8.0 PELAKSANAAN PERKHIDMATAN

- 8.1 Pelaksanaan projek bagi Petender yang berjaya sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Tawaran Harga (**Lampiran C**) dilaksanakan berdasarkan skop kerja sepertimana yang dinyatakan di dalam **LAMPIRAN D**.
- 8.2 Pelaksanaan projek adalah dalam tempoh **SATU (1) TAHUN** dari tarikh penerimaan tawaran. Walau bagaimanapun, tempoh projek yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terma (SST) adalah muktamad tanpa syarat.
- 8.3 Petender yang berjaya adalah **bertanggungjawab** bagi memastikan barangan / bekalan dihantar ke lokasi yang telah ditetapkan oleh UNISEL.

## **9.0 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA**

- 9.1 Petender adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti kerja bagi pembekalan di dalam **Lampiran D** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.
- 9.2 Perkhidmatan Pembekalan akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dan “standard” kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran D**.

## **10.0 PENERIMAAN TAWARAN DAN KONTRAK PERJANJIAN**

- 10.1 Petender yang berjaya mestilah menyempurnakan pembekalan dan penghantaran mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani.
- 10.2 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen tender atau di mana-mana jadual yang terdahulu adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara UNISEL dan Petender yang berjaya. Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak UNISEL dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 10.3 Dokumen kontrak yang lengkap akan disediakan selepas tender ditawarkan kepada Petender yang berjaya.
- 10.4 Surat Setuju Terima tender yang dihantar oleh UNISEL kepada Petender yang berjaya dan Surat Perakuan Petender ke atas Surat Setuju Terima tender itu akan dianggap sebagai Kontrak yang **mengikat** di antara UNISEL dan Petender tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

## **11.0 PENERIMAAN TENDER**

- 11.1 UNISEL adalah tidak terikat untuk menerima tawaran tender terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran.
- 11.2 UNISEL berhak menambah atau, mengurangkan mana-mana kuantiti yang ditetapkan dalam dokumen tender pada masa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada Petender yang berjaya.

- 11.3 Kaedah penilaian adalah secara penilaian teknikal dan penilaian harga yang akan dibuat berdasarkan item-item yang ditawarkan dan boleh juga dibuat penilaian secara pakej (keseluruhan). UNISEL juga boleh menerima hanya sebahagian daripada tender.
- 11.4 Selain daripada kuantiti yang telah ditetapkan dalam Surat Perjanjian, UNISEL boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan Petender hendaklah membekalkannya dengan harga dan terma-terma yang sama seperti kontrak asal.

## **12.0 PENAMATAN PERSETUJUAN**

Dengan memberi notis bertulis kepada Petender dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya pihak UNISEL boleh terus menamatkan persetujuan jika Petender melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;

## **13.0 HARGA TAWARAN**

- 13.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih di dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja;

## **14.0 KAEDAH PEMBAYARAN**

- 14.1 Tuntutan pembayaran adalah secara ansuran sebanyak dua (2) kali.
- 14.2 Sekiranya pihak UNISEL tidak berpuashati dengan pembekalan yang dilaksanakan, UNISEL berhak untuk tidak membuat pembayaran dan/atau bagi pembekalan yang tidak dilaksanakan.



## 15.0 KAEDAH PELAKSANAAN

15.1 Peringkat Pertama – Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh Petender

- i. Kesemua Petender yang menghantar dokumen tender hendaklah menandatangani Surat Akaun Petender (LAMPIRAN F) bahawa ia tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. UNISEL hendaklah memastikan Surat Akaun Petender juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen Borang tender (**LAMPIRAN G**).

15.2 Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Petender berjaya.

- i. Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akaun Petender (**LAMPIRAN F**) bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akaun Petender hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Agensi hendaklah memastikan Surat Akaun Petender juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima (akan disertakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima)

## 16.0 PERTANYAAN

16.1 Sepanjang tempoh sebelum tarikh tutup iklan tender, Petender boleh meminta penjelasan dokumen tender atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya dari UNISEL.

16.2 Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada:-

### **Aspek Teknikal**

Nama : Sulaiman bin Daud  
No. Tel : 03-55223447  
Email : [hr@unisel.edu.my](mailto:hr@unisel.edu.my)

**KETERANGAN MENGENAI PETENDER**

**NAMA PETENDER:**

---

(Syarikat)

**ALAMAT PETENDER:**

**MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI:**

Pegawai untuk Dihubungi  
No.Tel. Pejabat  
No. Tel. Bimbit  
No. Faks

**PENDAFTARAN DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA:**

No. Pendaftaran  
Tarikh Tamat Pendaftaran

**SURAT PENYERTAAN TENDER**

Kepada:

**Unit Perolehan, Pejabat Bendahari,  
Universiti Selangor, Kampus Shah Alam,  
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.**

Tuan,

**NOMBOR RUJUKAN TENDER: UNISEL/HR/TENDER/1/2024  
'TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF  
UNIVERSITI SELANGOR (Manfaat Takaful Hospital & Pembedahan  
Berkelompok) '.**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat

.....  
mengambil bahagian dalam '**TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN  
INSURAN TAKAFUL STAF UNIVERSITI SELANGOR**'.

1. Harga yang ditawarkan dalam tender ini adalah berjumlah  
(Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ )
2. Syarikat bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat tender dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen tender. Syarikat juga telah memahami bahawa UNISEL berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.
3. Syarikat bersetuju bahawa harga tender yang ditawarkan ini sah (*valid*) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup tender. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada tender ini dan meminda harga.

4. Jika tender ini diterima, saya / kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh masa 14 hari (empat belas) hari dari tarikh surat setuju terima tender.
5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah menyemak dan memberikan maklumat yang benar.

---

Tandatangan

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Alamat :

**JADUAL TAWARAN TENDER****NO. TENDER : UNISEL/HR/TENDER/1/2024****PERKARA : MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN  
INSURAN TAKAFUL STAF UNIVERSITI SELANGOR.**

BIL	BUTIRAN	KADAR BILIK HOSPITAL (RM)	HAD KELAYAKAN TAHUNAN (RM)	BILANGAN	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1	Manfaat Takaful Hospital & Pembedahan Berkelompok : a. Kategori Pengurusan Tertinggi (Gred 54 dan ke atas)/Profesor (Gred VK7 dan ke atas), b. Kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik & Pentadbiran) (Gred 41-54), c. Kategori Kumpulan Sokongan (Gred 40 kebawah)	<b>RM230 SEHARI</b>	<b>RM50,000</b>	<b>7</b>		
		<b>RM160 SEHARI</b>	<b>RM30,000</b>	<b>403</b>		
		<b>RM120 SEHARI</b>	<b>RM20,000</b>	<b>289</b>		
2	<b>Lain-lain Caj yang tidak dinyatakan di atas, <u>sila nyatakan atau lampirkan dokumen tambahan</u></b>					
3	<b>JUMLAH HARGA BAGI SETAHUN</b>					
4	<b>CUKAI JUALAN &amp; PERKHIDMATAN (SST)**</b> **Wajib mengemukakan bukti pendaftaran Kastam jika mengenakan SST					
5	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					

\*Sekiranya butiran yang ditawarkan tidak seperti yang dinyatakan di atas, sila kemukakan tawaran harga mengikut kesesuaian syarikat.

**Saya/Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.**

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :  
 Cop Syarikat :

**PEMATUHAN SPESIFIKASI**

**SKIM PERLINDUNGAN INSURAN BERKELOMPOK**

Universiti Selangor (UNISEL) menyediakan Skim Perlindungan/Manfaat Insuran Berkelompok melibatkan semua staf berdasarkan kadar berikut :

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>Kadar Bilik Hospital</b>	<b>Had Kelayakan Tahunan (RM)</b>	<b>Cadangan Premium</b>	<b>Ya / Tidak</b>
1	Manfaat Takaful Hospital & Pembedahan Berkelompok :  a. Kategori Pengurusan Tertinggi (Gred 54 dan ke atas)/Profesor (Gred VK7 dan ke atas), [ 7 orang]  b. Kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik & Pentadbiran) (Gred 41-54), [403 orang]  c. Kategori Kumpulan Sokongan (Gred 40 kebawah) , [289 orang]	<b>RM230 SEHARI</b>  <b>RM160 SEHARI</b>  <b>RM120 SEHARI</b>	<b>RM50,000</b>  <b>RM30,000</b>  <b>RM20,000</b>	<b>RM90,000.00 DAN KE BAWAH</b>	

Oleh demikian, Universiti Selangor ingin melantik Syarikat Insuran bagi tempoh perlindungan yang akan **tamat pada 28 Februari 2025.**

A. Faedah-faedah Kemasukan ke Hospital

PLAN	K1	K2	K3	Ya / Tidak
<b>GROUP HOSPITALISATION AND SURGICAL CARE TAKAFUL (GHS)</b>	GHS1	GHS1	GHS1	
<b>COVERAGE BASIS</b>	Insured	Insured	Insured	
<b>CLASS INSURED</b>	MO/L	MO/L	MO/L	
<b>LETTER OF GUARANTEE (LOG) / PAY AND CLAIM (P&amp;C)</b>	LOG	LOG	LOG	
<b>(A) IN-HOSPITAL CARE</b>	RM	RM	RM	
<b>a) (i) Hospital Room and Board</b> (up to maximum 180 day per Disability)	230	160	120	
<b>(ii) Intensive Care Unit</b> (up to maximum 30 days per Disability inclusive of Room & Board)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>b) Hospital Supplies and Services</b> (Maximum per Disability)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>c) Surgical Fees</b> (Maximum per Disability)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>d) Anaesthetic Fee</b> (Maximum per Disability)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>e) Operating Theatre</b> (Maximum per Disability)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>f) In-Hospital Physician Visit</b> (up to maximum 180 days per Disability)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>g) Malaysian Government Hospital Daily Cash Allowance</b> (up to maximum 180 days per Disability)	55	45	35	
<b>h) Overall Maximum Limit for Malaysian Government Hospital Admission</b> (Not subjected to any limit expert Room and Board limit and overall maximum limit per disability/annum)	50,000	30,000	20,000	
<b>(B) AMBULATORY CARE</b>				
<b>a) Pre-Surgical/Medical Diagnostic Services</b> (Maximum per Disability within 60 days prior to hospitalization)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>b) Pre-Surgical/Medical Specialist Consultation</b> (Maximum per Disability for first time consultation within 60 days prior to hospitalization)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>c) Second Surgical Opinion</b> (Maximum per Disability)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>d) Post-Hospitalization Treatment</b> (Up to 60 days maximum per Disability following discharge for hospital)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>e) Emergency Out-patient Accidental Treatment</b> (Maximum per Disability within 24 hours after the accident & follow-up treatment up to 60 days)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>f) Accident Dental Treatment</b> (Maximum per Disability within 24 hours after the accident & follow-up treatment up to 14 days)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>g) Daycare Procedure (Surgical/Medical)</b> (Maximum per Disability inclusive of all incidental costs, pre-daycare visits up to 60 days and post-daycare visits up to 60 days)	As Charged	As Charged	As Charged	
<b>h) Ambulance Fees</b> (Maximum per Disability for emergency and non-emergency services)	As Charged	As Charged	As Charged	

PLAN	K1	K2	K3	Ya / Tidak
<b>i) Emergency Out-patient Treatment</b> (Maximum per Disability from 10.00pm to 8.00am)	100	100	100	
<b>j) Medical Report Fee Reimbursement</b> (Maximum per Disability applicable for In-Hospital Care and Ambulatory Care)	100	100	100	
<b>Overall Limit</b> - Maximum per annum	50,000	30,000	20,000	
<b>EXTENDED BENEFIT (EXT)</b>				
<b>a) Compassionate Allowance Benefit</b> (One time payment due to death from All Causes within 48 hours)	3,000	3,000	3,000	
<b>Note : GHS1 - Covers follow up of Long Term Care, outpatient visit treatment allowed within admission.</b>				

## **B. BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN**

BIL	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	PEMATUHAN (sila ✓ atau X)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan)*
<b>A)</b>	<b>MENGAWAL SELIA PELAKSANAAN KEMUDAHAN INSURAN</b>		
1.0	MENGURUS DAN MENTADBIR MANFAAT INSURAN PEKERJA		
1.1	Pembekal dikehendaki untuk melaksanakan Perkhidmatan Perlindungan Insuran kepada staf Universiti Selangor.  Perkhidmatan seperti dibawah : i. Manfaat Takaful Hospital & Pembedahan Berkelompok;		
1.2	Menyediakan perkhidmatan sokongan bagi memudahkan penyelesaian tuntutan atau untuk mendapatkan maklum balas lanjut ketika berurusan		
1.3	Sebarang urusan Penghantaran Perkhidmatan ini adalah ke alamat Universiti Selangor		
<b>B)</b>	<b>Jumlah perlindungan</b> 699 orang		
<b>C)</b>	<b>Had Umur</b> 70 tahun		
<b>D)</b>	<b>Tempoh kontrak selama 12 bulan (1 Mac 2024 sehingga 28 Februari 2025)</b> Nota : Tempoh ini boleh dianjakkan sekiranya berlaku kelewatan lantikan		
<b>E)</b>	<b>Sila senaraikan kelebihan/keunikan perkhidmatan anda berbanding yang lain.</b>		
<b>F)</b>	<b>Sila senaraikan Anugerah dan Pengiktirafan yang telah diterima</b>		



\*Sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.

**Saya/Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.**

.....  
Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :  
Cop Syarikat :

**PROFIL SYARIKAT**

**'TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF  
UNIVERSITI SELANGOR'**

**NO. TENDER: UNISEL/HR/TENDER/1/2024**

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>MAKLUMAT</b>
1.	Nama Syarikat :	
2.	Alamat :	
3.	No. Telefon :	
4.	No. Faks :	
5.	Alamat E-mel :	
6.	Pendaftaran Syarikat	
	a) No. Pendaftaran :	
	b) Tarikh Ditubuhkan :	
7.	Modal Perniagaan	
	a) Dibenarkan :	
	b) Dibayar :	
8.	Komposisi Modal Dibayar	
	a) Bumiputera :	
	b) Bukan Bumiputera :	
9.	Senaraikan Pegawai / Kakitangan Syarikat yang Berkenaan	
	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
10.	Senarai Nama Syarikat Cawangan dan Anak Syarikat	

11. Senaraikan Jenis Pembekalan / Perkhidmatan Yang Pernah Diberi


12. Senaraikan Pelanggan Yang Pernah Berurusan Dengan Syarikat Tuan


13. Maklumat Bank

a) Nama :

--

b) No. Akaun :

--

14. Lain-Lain Maklumat bagi Menyokong Tawaran ini


Saya / Kami mengaku maklumat yang diberikan adalah benar.

\_\_\_\_\_  
Nama :

Cop Syarikat :  
(Wajib diisi)

**LAMPIRAN F**

**SURAT AKUAN PETENDER**  
**'TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF**  
**UNIVERSITI SELANGOR'**  
**NO. TENDER: UNISEL/HR/TENDER/1/2024**

Saya \_\_\_\_\_(Nama Wakil Syarikat)  
nombor K.P \_\_\_\_\_yang mewakili \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_(Nama Syarikat) Nombor pendaftaran \_\_\_\_\_  
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya  
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau  
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Selangor** atau  
mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender seperti  
di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa\* bagi saya  
mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati  
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu di dalam  
**Universiti Selangor** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk  
dipilih dalam tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju  
tindakan-tindakan berikut diambil: -

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender di atas; atau
- 2.3 penamatan kontrak bagi tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya  
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan  
untuk dipilih dalam tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan  
segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya  
Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

Catatan: \*Surat Perwakilan Kuasa hendaklah disertakan bersama dengan surat  
ini.

**BORANG TENDER**

Kepada : **UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

.....  
.....

Tarikh : .....

Tuan,

**'TAWARAN PEMBAHARUAN PERLINDUNGAN INSURAN TAKAFUL STAF UNIVERSITI SELANGOR'.**

**NO. TENDER: UNISEL/HR/TENDER/1/2024**

Adalah saya / kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi bekalan/perkhidmatan yang diperlukan dengan harga-harga yang telah ditentukan di dalam Jadual Tawaran Harga iaitu sebanyak **RM \_\_\_\_\_**

**(Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ sahaja)**

seperti di **LAMPIRAN C** dengan tempoh penghantaran bagi **BARANGAN/BEKALAN** ditawarkan selama **\_\_\_\_\_ 30 HARI** dari tarikh penerimaan tawaran seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN D**. Tawaran ini mempunyai tempoh sah laku **90 \_\_\_\_\_ HARI** dari tarikh tender ini ditutup.

2. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya: -

i. Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh UNISEL untuk penerimaan tawaran kami;

ii. Bahawa UNISEL tidak terikat untuk menerima tender dengan harga yang terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tender;

iii. Bahawa UNISEL berhak untuk menerima keseluruhan atau

sebahagian tawaran Petender mengikut pakej atau menerima tawaran yang sama lebih daripada satu penyebut harga;

- iv. Bahawa keputusan Jawatankuasa tender UNISEL adalah muktamad;
- v. Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu kontrak yang formal (jika perlu) akan ditandatangani antara pihak kami dengan UNISEL selaras dengan tawaran yang diberikan;
- vi. Bahawa Surat Akuan tender ini berserta dengan Surat Setuju Terima hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat antara UNISEL dan Petender walaupun kontrak formal (rasmi) belum dilaksanakan/ditandatangani;
- vii. Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, UNISEL boleh menarik balik penganugerahan tender yang diberikan dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan
- viii. Bahawa kami akan mematuhi segala syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

**BAGI PIHAK PETENDER:**

Tandatangan Petender : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Cop Syarikat : \_\_\_\_\_

**DI HADAPAN:**

Tandatangan Saksi : \_\_\_\_\_

Nama Penuh Saksi : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**REKOD PENGALAMAN PERKHIDMATAN SKIM PERLINDUNGAN INSURAN DI LAIN-LAIN AGENSI**

(Senarai semua rekod pengalaman dalam 5 tahun lepas)

BIL.	NAMA KONTRAK	PELANGGAN (KEMENTERIAN/AGENSI)	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH PERLAKSANAAN	
				MULA	TAMAT

Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kontrak daripada Pelanggan bagi setiap kontrak yang disenaraikan hendaklah disertakan. Sekiranya tiada rekod pengalaman, sila isikan 'TIADA'.



**SENARAI KONTRAK SEMASA PERKHIDMATAN SKIM PERLINDUNGAN INSURAN SEMASA DI LAIN-LAIN AGENSI**

(Senarai semua kontrak di dalam tangan / sedang berjalan dan belum selesai termasuk kontrak yang baru ditawarkan)

BIL.	NAMA KONTRAK	PELANGGAN (KEMENTERIAN/AGENSI)	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH PERLAKSANAAN	
				MULA	TAMAT

**Sekiranya tiada rekod pengalaman, sila isikan 'TIADA'**

(Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.)

SENARAI STAF UNIVERSITI SELANGOR BAGI TAHUN 2024 MENGIKUT KATEGORI STAF.  
(Mohon melalui emel kepada [hr@unisel.edu.my](mailto:hr@unisel.edu.my))